

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD FASIAH B. MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula berhubung dengan larangan tanaman ketum ayam (Madre deagua/Trichanthera gigantean) dan ketum urat merah (Mitragyna speciose) di negara ini memandangkan ketum amat bermanfaat kepada binatang ternakan dan perubatan kepada manusia serta berpotensi untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan masyarakat luar bandar dan eksport.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kawalan terhadap tanaman ketum telah dilaksanakan sejak tahun 2003 apabila alkaloid *mitragynine* yang terdapat dalam tanaman ketum disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952. Kawalan ini merangkumi kawalan khas ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya di bawah Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989. Di bawah Akta dan Peraturan ini, sesiapa yang mengimport, mengeksport, menjual, membekal, memiliki atau menggunakan bahan psikotropik secara bertentangan dengan kehendak Akta dan Peraturan tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang yang telah dipengerusikan oleh YB Menteri Dalam Negeri pada 21 Julai 2020, Kementerian Kesihatan telah membentangkan Kertas Pertimbangan berkaitan Kawalan ke atas Tumbuhan Psikoaktif (Ketum) di bawah Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019.

Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang tersebut telah memutuskan supaya ditubuhkan dua Jawatankuasa Teknikal iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Saintifik dan Komersial bagi mengkaji penggunaan ketum dari segi perubatan dan sumbangan kepada ekonomi negara.